

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
(SIBUTI)**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021(SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah masjid mercu tanda yang baharu di Kem Sri Miri 20th Regimen Askar Melayu Diraja bagi menggantikan Surau Darul Redzuan 20 RAMD memandangkan pembangunan masjid dapat menampung keperluan jemaah awam dan tentera di Kawasan Jalan Airport semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pembinaan masjid bagi menggantikan Surau Darul Ridzuan merupakan keperluan bagi melengkapkan fasilitasi di setiap formasi dan kem untuk peningkatan kerohanian anggota serta keluarga.

Untuk makluman Yang Berhormat, bangunan Surau Darul Ridzuan telah ditingkatkan kapasitinya dan dinaiktaraf kepada Masjid Darul Ridzuan pada 16 September 2017 oleh Majlis Agama Islam Sarawak dengan kapasiti 800 jemaah yang mana boleh digunakan oleh anggota tentera dan orang awam.

Terima kasih.